

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BIL
2/2006**

**PINDAAN PEKELILING PTG BIL. 1/2006
BERHUBUNG DASAR PEMBERIAN MILIK TANAH-TANAH
YANG LUPUT TEMPOH PAJAKAN**

Pekeling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 17/2006 yang bersidang pada 9 Ogos 2006 telah membuat keputusan meminda keputusan yang telah dibuat berhubung dengan kadar maksima pengurangan bayaran premium bagi permohonan milik tanah yang luput tempoh pajakan kepada daripada 20 peratus kepada 50 peratus.

2. Oleh yang demikian, perenggan 1.5 Pekeling PTG Bil 1/2006 bertarikh 23 Ogos 2006 dengan ini dipinda sebagaimana berikut :-

1.5 “Bagi bayaran premium pula, ianya adalah tertakluk kepada budi bicara Pihak Berkuasa Negeri dengan pengurangan maksima **50 peratus** daripada jumlah premium semasa dengan syarat tanah tersebut bukan dikategorikan sebagai tanah ladang atau perindustrian yang dikenakan premium sebagaimana kadar di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Tanah Kelantan 1966 tanpa sebarang pengurangan.”

3. Sehubungan dengan itu, semua Pentadbir Tanah diminta supaya mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan keputusan tersebut.

4. Pekeliling ini hendaklah dibaca dengan Pekeliling PTG Bil. 1/2006 dan berkuatkuasa serta merta.

t.t

(DATO' HJ MOHD JAMIL BIN MOHAMED)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

1. Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB Dato' Tuan Guru Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Pengurus Jawatankuasa Kewangan, Perancangan Ekonomi dan Pembangunan Masyarakat Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
7. YBhg. Dato' Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri Negeri Kelantan
8. YABrs. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan

9. YABrs. Ketua Penolong Setiausaha
(Majlis Mesyuarat Kerajaan)

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU

Bertarikh : 04 Oct 2006
Fail : PTG.KN. 1/2/4 (58)